

Wargakota berpesta

BH 2/2/89
KUALA LUMPUR, Rabu — Beberapa jalan utama di sekitar bandaraya yang kebiasaannya sibuk dengan kenderaan, hari ini bertukar menjadi medan pejalan kaki dengan banjir wargakota menyaksikan pelbagai acara menarik sempena ulang tahun ke-15 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara jalan yang ditutup kepada kenderaan ialah Jalan Raja Laut dari persimpangan Jalan Parlimen ke Jalan Dang Wangi, Jalan Tuanku Abdul Rahman

(berhampiran Kompleks Pertama) sehingga Jalan Selat.

Jalan-jalan itu yang merentangi tengah-tengah bandaraya ini ditutup mulai 8 pagi sehingga 10 malam ini bagi membolehkan orang ramai menyaksikan pelbagai acara, termasuk hiburan, kebudayaan dan sukan yang diadakan sepanjang jalan itu.

Pelbagai acara disusun di hari ini cuti umum di Wilayah Persekutuan ini.